

Kursus Pra-Perkahwinan Islam Dan Orang Kelainan Upaya Pekak

Nur Syaidatul Akmar Binti Sha'ari

Zuliza Mohd Kusrin

Abstrak

Kursus Pra-Perkahwinan Islam merupakan salah satu syarat prosedur perkahwinan bagi pasangan yang bakal berkahwin di Malaysia. Kegagalan menghadiri kursus pra-perkahwinan ini boleh menjejaskan proses untuk mendapatkan kebenaran berkahwin dari jabatan agama negeri. Namun begitu, tidak kesemua diwajibkan mengikuti kursus ini dan golongan kelainan upaya adalah diantara golongan terbabit. Mutakhir ini, terdapat laporan melaporkan bahawa kadar perceraian dalam kalangan orang kelainan upaya semakin meningkat terutamanya orang kelainan upaya pendengaran atau pekak. Justeru itu, artikel ini membincangkan keperluan orang kelainan upaya pendengaran iaitu orang pekak untuk menyertai kursus pra-perkahwinan Islam sama seperti golongan normal. Rekabentuk kajian ialah menggunakan kaedah kualitatif serta temubual. Data-data terkumpul dianalisis secara diskriptif dan tematik. Hasil perbincangan mendapati bahawa golongan pekak juga perlu mengikuti kursus pra-perkahwinan Islam dengan mengikut cara dan kaedah mereka yang tersendiri. Kursus pra-perkahwinan Islam khusus bagi golongan ini mampu membuatkan mereka lebih menghayati dan memahami ilmu rumahtangga mengikut kemampuan fizikal dan mental masing-masing.

Kata kunci : *Keperluan, kursus pra-perkahwinan Islam, orang kelainan upaya pekak*

Pendahuluan

Sebuah keluarga sakinah terbentuk selepas terjadi sebuah perkahwinan yang diberkati. Keluarga yang diberkati amat penting dalam kehidupan jangka masa panjang. Dalam Islam, perkahwinan adalah salah satu ibadah yang sangat dituntut kerana perkahwinan merupakan fitrah manusia yang menginginkan pasangan hidup dan berkeluarga (Mustofa Al-Khin et. al. 1992). Perkahwinan juga merupakan jalan yang halal dan diredhai oleh Allah SWT untuk berinteraksi dan memenuhi keperluan biologis dengan berlawanan jantina. Firman Allah SWT dalam surah Arrum :21 :

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya :

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

Jika diperhatikan kalam Allah SWT yang suci ini, ayat ini umum untuk mana-mana kelompok manusia. Maknanya ia tidak terbatas kepada sesiapa pun samada golongan normal atau kelainan upaya. Melalui saluran perkahwinan, kemaslahatan diri, keluarga akan terjaga dan terpelihara

(Mohd Manshur 1991) manakala jaringan masyarakat dapat dibiakkan secara sihat. Di Malaysia, prosedur yang telah ditetapkan dan diwajibkan kepada individu yang ingin mendirikan rumahtangga dengan menyertai kursus pra-perkahwinan Islam. Ilmu berkenaan tanggungjawab dan peranan suami isteri dan juga ibu bapa wajib diketahui oleh pasangan yang bakal berkahwin supaya mereka mendapat gambaran dengan lebih jelas akan liku-liku dan ujian selain manisya kehidupan dalam sesebuah perkahwinan. Melalui kursus ini, objektif perkahwinan yang diterapkan dengan mengandungi nilai-nilai kekeluargaan dapat membantu mengurangkan kadar perceraian yang telah direkodkan semakin meningkat. Maklumat berkenaan perceraian didapati lebih berfokuskan kepada golongan tipikal manakala perceraian dikalangan golongan OKU (Orang Kelainan Upaya) terutama OKU pekak tidak direkodkan kerana rekod yang diambil bersifat umum.

Kursus Pra-Perkahwinan Islam

Kursus Pra-Perkahwinan Islam juga merupakan salah satu bentuk pendidikan perkahwinan. Menurut Siti Zubailah (2014), kursus pra-perkahwinan bukan sekadar pendidikan perkahwinan sahaja, malah ilmu dan kemahiran perlu dikuasai sebelum sebelum permulaan perkahwinan dan juga sepanjang tempoh perkahwinan berlangsung. Terdapat tiga kategori kefahaman konsep pendidikan perkahwinan yang diperolehi menurut pakar dan orang awam adalah i) Pengkayaan ilmu ii) Pendidikan perkahwinan merupakan satu disiplin ilmu dan pengetahuan asas. iii) Pendidikan sepanjang hayat dan iv) Melibatkan kerjasama antara pakar. Dalam kajian Siti Zubailah, beliau merumuskan dua asas tema dalam keperluan pendidikan perkahwinan iaitu kursus pra-perkahwinan dan kursus pasca perkahwinan. Elemen-elemen penting dalam keperluan pendidikan perkahwinan dihuraikan ke dalam empat bahagian :-

i) Pengkayaan ilmu : Pendidikan perkahwinan di Malaysia masih baru untuk diperkatakan penggunaan terminologinya. Hakikatnya ianya merupakan satu bentuk ilmu perkahwinan yang sememangnya amat diperlukan oleh golongan masyarakat masakini. Ilmu dalam perkahwinan menjadi fokus utama dalam sesebuah perkahwinan lantaran perubahan zaman yang kian mencabar. Justeru dengan memperkayakan lagi ilmu, permasalahan dan konflik dalam rumahtangga dapat ditangani dengan lebih bijak dan saksama. Manakala agama pula menjadi panduan dalam hidup seseorang sekaligus menjadikan ilmu dan agama satu gabungan elemen paling penting untuk mencapai kebahagiaan dan kemakmuran dalam suatu perkahwinan

ii) Pencegahan awal masalah psikologi keluarga :

Pendidikan perkahwinan seperti kursus pra-perkahwinan mampu memberi gambaran dan pendedahan awal kepada pasangan yang kekurangan asas agama agar mereka dapat bersiap sedia dalam segala hal. Pakar berpendapat dengan adanya pendidikan perkahwinan dapat mencegah berlakunya masalah psikologi keluarga seperti penderaan dan pengabaian zahir dan batin di antara suami, isteri mahupun anak-anak.

iii) Mengekalkan hubungan perkahwinan yang sihat

Dalam melayari kehidupan rumahtangga, pasangan perlu memperbaharui dan membaikpulih tahap hubungan sesama pasangan dengan pendidikan perkahwinan bagi pasangan yang telah lama berkahwin. Kadangkala ada di antara pasangan yang terabai tanggungjawab mereka dalam perkahwinan. Tanpa adanya ilmu juga peringatan mengenai tanggungjawab masing-masing, ianya menjadi mudah bergolak dan membawa kepada perceraian.

iv) Cabaran melaksanakan pendidikan perkahwinan

Pelaksanaan pendidikan perkahwinan bukanlah satu perkara yang mudah. Sudah tentu perkara baik sebegini ada cabarannya yang tersendiri. Cabaran dari segi polisi dan keperluan masyarakat menjadi isu utama yang menggugat pelaksanaan pendidikan perkahwinan ini. Mentaliti masyarakat yang masih berada di tahap yang rendah mengenai masalah perkahwinan dan pasangan yang sukar memberi kerjasama dalam berkongsi mahupun memberi pendapat sekiranya ada berlaku pengongcangan rumahtangga.

Pendidikan perkahwinan yang dijadikan sebagai modul yang disediakan oleh pihak JAKIM merupakan ringkasan yang padat dimana sebahagian dari pengisiannya telah dipelajari di sekolah menengah secara formal. Pengisian seperti asas pembinaan insan yang mengandungi akidah, ibadah dan akhlak kerap diulang-ulang kerana pentingnya asas ini supaya kebal dan tidak mudah terpedaya dengan pengaruh persekitaran yang tidak sihat. Manakala pengisian yang lain seperti pengurusan keluarga dan pengurusan masalah dalam keluarga adalah pengisian luar dari silibus di sekolah tetapi penting untuk diketahui. Inisiatif dari kerajaan terutama JAKIM yang begitu mengambil berat isu semasa berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan sehingga jabatan agama di setiap negeri menguatkuasakan kursus pra-perkahwinan Islam. Hal ini ekoran kadar perceraian dilihat semakin membimbangkan. Kursus ini dilihat mampu mengurangkan kadar perceraian sekaligus memperlihatkan perkara ini dengan berfaktorkan kurangnya ilmu berkenaan rumahtangga dan ketidakfahaman hak-hak mereka sebagai suami dan isteri.

Pada awal tahun 90-an, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri telah memperkenalkan Kursus Pra-perkahwinan Islam kepada bakal-bakal pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga. Kursus diwujudkan berdasarkan krisis isu perceraian yang kian meningkat dari saban tahun. Menurut Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki yang merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sebanyak 92,678 pasangan telah mendaftarkan perceraian dalam tempoh 2012 hingga 2014. Beliau menyifatkan situasi berkenaan semakin membimbangkan berdasarkan statistik yang diperolehi meningkat dari tahun ke tahun (Hakimi Ismail 2016). Yusnita (2003) menyuarakan permasalahan yang timbul selepas perkahwinan adalah disebabkan ketidakprihatinan pihak suami mahupun isteri terhadap ilmu rumahtangga serta kemahiran-kemahiran yang ada sebelum bergelar suami isteri. Tiada mana-mana perkahwinan dihadkan hanya kepada golongan normal kerana golongan OKU terutama golongan pekak juga mempunyai keinginan yang sama untuk berkahwin.

Walaupun golongan pekak ini merupakan bilangan minoriti tetapi bilangan mereka yang berkahwin didapati semakin meningkat meskipun dalam kuantiti yang tidak ramai setiap tahun (Wan Rofariza 2018). Kebanyakan orang pekak mendirikan rumahtangga dan pasangan mereka adalah sama sepertinya (Abdullah 2014). Dalam kajian Juwairiah Hassan (2009) menyatakan kebanyakan orang pekak akan bertemu jodoh dalam kalangan ahli persatuan mereka sendiri atau melalui kenalan masing-masing. Mereka juga mengalami fasa percintaan sama seperti golongan normal. Dalam kalangan mereka juga ada bertemu jodoh dengan pasangan normal. Ini jelas menunjukkan bahawa orang kelainan upaya seperti orang pekak juga memiliki fitrah kehidupan seperti orang lain.

Mohd Asri Haji Tahir (2004) yang merupakan Pengarah Cawangan Penyelidikan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam kajiannya bertajuk Statistik Perkahwinan dan Perceraian Warga Pekak menyatakan pihaknya tidak mengeluarkan statistik perkahwinan dan perceraian khusus untuk golongan pekak. Namun beliau mendapati hakikatnya bilangan perkahwinan dan

perceraian dalam kalangan orang pekak semakin meningkat walaupun tidak begitu ketara. Namun yang demikian, bilangan atau peratusan kes bagi golongan ini tidak direkodkan.

Antara faktor perceraian dalam kalangan orang pekak adalah kurangnya pemahaman terhadap ajaran agama, kurang tanggungjawab kepada rumahtangga dan masalah komunikasi yang tidak serasi diantara satu sama lain (Wan Rofariza 2018). Mengimbas kembali objektif kursus pra-perkahwinan adalah dapat mengurangkan kadar perceraian dalam kalangan pasangan yang berkahwin namun dilihat kurang berkesan terhadap orang pekak. Ini kerana terdapat pihak pengurusan kursus pra-perkahwinan yang mengadakan kursus ini dihadiri oleh peserta normal dan hanya segelintir dari orang pekak menyertainya. Kursus khusus bagi golongan pekak amat jarang diadakan. Kini kursus berkenaan diserahkan kepada persatuan pekak negeri-negeri untuk dikelola dan dilaksanakan namun masih belum ada keselarasan diantara persatuan-persatuan tersebut.

Perlaksanaan kursus lebih menfokuskan terhadap golongan normal menunjukkan bahawa kursus tersebut kurang menyantuni dan mesra golongan pekak. Hal ini juga meperlihatkan hak golongan pekak untuk menerima ilmu seperti golongan normal diabaikan manakala dari sudut cara penyampaian juga boleh dikatakan kurang efektif bagi golongan pekak. Walaupun para penceramah menyampaikan modul dengan baik kepada orang normal tetapi mereka terlepas pandang mengenai keperluan dan cara penyampaian modul yang sesuai kepada orang pekak. Secara logiknya, orang pekak pasti tidak memahami apa yang disampaikan oleh penceramah. Ada pihak pengurusan yang menyediakan khidmat juru bahasa dan ada juga diatas permintaan ibubapa individu pekak memohon khidmat jurubahasa ini sekiranya individu pekak itu menyertai kursus secara peribadi. Terdapat perkataan yang sukar dijelaskan dan diterjemahkan dalam bentuk bahasa isyarat. Bagi orang pekak yang kurang berpelajaran, situasi ini juga sangat menyulitkan bagi jurubahasa untuk menerangkannya kerana mereka sukar memahami struktur ayat Bahasa Melayu yang lengkap (Wan Rofariza 2018).

Kepentingan Ilmu Terhadap Orang Pekak

Golongan pekak antara golongan istimewa yang sukar untuk difahami kerana tampak mereka seperti golongan biasa. Masyarakat hanya menyedari mereka ini berbeza dengan melihat dari sudut komunikasi menggunakan bahasa isyarat. Menuntut ilmu sememangnya satu kewajipan yang telah dijatuhkan pentaklifannya kepada semua orang termasuk orang kelainan upaya. Dalam melihat kepentingan penyampaian sesuatu ilmu, cara dan kaedah penyampaian juga perlu dititik berat supaya ilmu itu dapat diterima dengan baik. Dalam beragama, elemen dakwah tidak dapat dipisahkan kerana ianya telah wujud sejak zaman para nabi dan anbiya' lagi. Pada era kontemporari ini baru dilihat dan digali dengan lebih terperinci aspek dan elemen dakwah yang seharusnya diguna pakai untuk kepentingan sejagat.

Sememangnya kursus pra-perkahwinan Islam termasuk dalam hal yang besar dalam agama dan sekaligus melibatkan unsur-unsur dakwah. Unsur-unsur dakwah bukan sahaja hanya untuk golongan tipikal, malah golongan kelainan upaya juga perlu diberi perhatian. Kesemua kajian berkaitan kursus pra-perkahwinan Islam lebih tertumpu kepada golongan normal dan tiada kajian berkaitan orang pekak. Namun begitu, maklumat dan kajian berkenaan orang pekak amat terhad dan adapun kajian yang dilakukan menunjukkan keprihatinan segelintir masyarakat terhadap OKU terutama golongan pekak dalam permasalahan agama yang dapat dilihat semakin membimbangkan dikalangan golongan minoriti ini.

Antara kajian yang dijalankan oleh Juwairiah Hassan et.al. (2013) yang bertajuk *Penerimaan Program Dakwah Dalam Kalangan Orang Pekak Di Terengganu* membincangkan mengenai pelaksanaan dakwah kepada orang pekak. Dengan menggunakan set soal selidik, sebanyak 56 set soal selidik telah diedarkan kepada orang pekak yang terlibat dengan aktiviti dakwah. Hasil kajian mendapati pelaksanaan dakwah adalah melalui anjuran program-program dakwah yang dibahagikan kepada program bulanan, mingguan dan harian. Pengkaji juga mendapati penerimaan dakwah dikalangan orang pekak adalah ditahap sederhana. Penyebab utama penerimaan dakwah didalam kajian ini ditahap sebegini adalah kerana ketidaksediaan institusi berkait dengan orang pekak untuk bekerjasama untuk melaksanakan program dakwah untuk golongan ini.

Menurut Juwairiyah Hasan (2009) dalam disertasinya *Pelaksanaan Dakwah Terhadap Orang Pekak di Terengganu* menjelaskan keperluan orang pekak kepada dakwah. Pengisian rohani amat penting supaya individu pekak ini tidak mudah terjebak dengan masalah sosial yang dikesan makin meningkat. Namun dalam pelaksanaan dakwah terhadap orang pekak terdapat masalah yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Antaranya masalah yang berkait dengan pendakwah, sasaran dakwah dan organisasi dakwah itu sendiri. Hasil kajian beliau mendapati bahawa tahap pelaksanaan dakwah terhadap orang pekak di Terengganu adalah sederhana berbanding program-program besar yang dijalankan di Kuala Lumpur.

Mohd Huzairi Awang et.al (2015) dengan artikelnya *Kepentingan Dakwah Kepada Golongan Bermasalah Pendengaran: Satu Keperluan mengulas keperluan golongan keperluan khas ini dalam hal berkait agama perlu seiring dengan golongan normal*. Dapatan daripada tinjauan mendapati bahawa golongan bermasalah pendengaran amat lemah dalam penguasaan fardhu ain dan sukar menyetai mengikuti perkembangan agama. Ternyata juga tiada tumpuan daripada institut agama seperti pengurusan masjid dalam usaha dakwah terhadap golongan berkeperluan khas.

Sebuah buku berkenaan orang kelainan upaya iaitu *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya* tulisan Ab Aziz Mohd Zin et. al. (2009) menukulkan mengenai OKU yang juga berhak dalam menerima dakwah sama seperti golongan normal. Isi-isi penting yang ditekankan oleh penulis berkaitan dengan dakwah diantaranya permasalahan yang dihadapi oleh OKU dalam mempelajari dan memahami agama Islam, sejauh mana pelaksanaan dakwah OKU dalam negara turut dikaji, metode yang sesuai untuk digunakan kepada golongan ini dan persoalan mengenai dakwah OKU turut dibincangkan di dalam buku ini. Sesungguhnya buku ini memberi banyak manfaat terhadap keperluan berkaitan rohani OKU.

Buku berikutnya khusus dalam bidang dakwah untuk orang pekak yang ditulis oleh Abdul Munir Ismail (2014) bertajuk *Dakwah Islam dan Orang Pekak*. Intisari buku ini hampir sama sifatnya dengan buku diatas tetapi lebih terperinci berkenaan orang pekak. Penulis memperkenalkan orang pekak dengan memperlihatkan golongan ini dari segi psikologi dan masalah yang dihadapi dalam mempelajari ilmu agama. Dalam penulisan ini juga, metodologi yang berkesan dicadangkan berdasarkan Al-Quran dan pandangan ulama. Golongan ini lebih kompleks dan memerlukan pemerhatian yang tinggi dalam segala aspek terutamanya dari sudut penyampaian ilmu berkaitan agama.

Perkahwinan Orang Kelainan Upaya Pekak

Secara umumnya, rakyat Malaysia yang beragama Islam telah disyaratkan untuk mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Islam sebelum mendirikan rumahtangga. Banyak kajian lalu menunjukkan bahawa dengan menghadiri kursus sebegini dapat mengurangkan kadar perceraian. Kursus ini dikelolakan oleh jabatan agama di setiap negeri melalui modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). MBKPPI sebelum ini telah dibuat penambahbaikan mengikut peredaran semasa berikutan tanggungjawab suami dan isteri semakin mencabar. Buku modul tersebut diterbitkan sebagai sebahagian dari usaha JAKIM untuk menyahut kempen “Rumahku Syurgaku” dalam kalangan masyarakat (JAKIM 2008). Isi kandungan modul ini mengandungi tiga bahagian iaitu asas pembinaan insan, pengurusan keluarga dan pengurusan masalah dalam keluarga. Ketiga-tiga bahagian ini mengandungi sub-sub tema yang penting untuk dibentangkan kepada para peserta dan ianya mencakupi ilmu rumahtangga dan juga prosedur-prosedur yang wajib dipatuhi setiap pasangan seiring dengan peredaran zaman. Sijil penyertaan diberikan setelah peserta berjaya mengikuti kesemua slot yang telah ditetapkan selama dua hari. Sijil yang dikeluarkan sendiri oleh jabatan agama ini memperakui kehadiran peserta dan ia adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama borang permohonan bernikah (Garis Panduan Bagi Prosedur Pentadbiran Perkahwinan Perceraian Dan Ruju’ 2013).

Orang Kelainan Upaya adalah antara golongan yang dikecualikan dari menyertai kursus pra-perkahwinan Islam (www.jais.gov.com). Namun begitu, menyertai kursus ini merupakan pilihan kepada mereka untuk mereka mendapatkan sijil kursus pra-perkahwinan. Bagi golongan pekak biasanya, ada ibubapa yang menyuruh anak mereka untuk menghadiri kursus ini dengan bantuan jurubahasa yang telah dimohon (Wan Rofariza 2018). Sekiranya tiada permohonan untuk bantuan jurubahasa maka individu pekak ini hanya mengikutinya bersama golongan normal. Tujuannya mereka hanya satu untuk mendapatkan sijil pra-perkahwinan tanpa memahami intipati modul yang disampaikan oleh penceramah. Perkara ini membimbangkan sekiranya mereka tidak mengetahui dan memahami perkara asas dan tanggungjawab dalam rumahtangga (Wan Rofariza 2018).

Kadar perceraian orang pekak didapati semakin meningkat. Walaupun tiada butiran maklumat secara rasmi yang dicatat, tetapi maklumat berkenaan perceraian diketahui melalui jurubahasa kerana jurubahasa dipohon untuk melancarkan komunikasi diantara pihak yang menceraikan, diceraikan dan mahkamah. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilaporkan oleh jurubahasa paling tinggi permintaan jurubahasa untuk hal-hal berkaitan perceraian. Melihat kembali objektif kursus pra-perkahwinan yang mensasarkan pengurangan kes perceraian, maka golongan OKU pekak tidak seharusnya diketepikan. Walaupun mereka merupakan golongan minoriti, hak dan keperluan mereka untuk mendapatkan ilmu rumahtangga sepatutnya disamaratakan seperti orang normal. Perbezaan diantara mereka dan golongan normal adalah dari sudut komunikasi dan tahap pemahaman. Dari sudut komunikasi, mereka menggunakan bahasa isyarat dan alat bantu yang lain untuk membolehkan mereka memahami sesuatu perkara (Abdullah 2014). Bahasa isyarat umum yang digunakan dan telah pun diperluaskan ke serata tanah air adalah bahasa isyarat Malaysia (BIM) (Syr Meeze Mohd Rahid et al. 2014). Akan tetapi bagi individu yang tidak berpelajaran, mereka agak susah untuk memahami struktur ayat bahasa melayu yang lengkap. Tahap pemahaman mereka menjadi rendah dek kegagalan mereka dalam memahami perkara-perkara penting berkaitan hal ehwal perkahwinan.

Keperluan Orang Kelainan Upaya Pekak Terhadap Kursus Pra-Perkahwinan Islam

Pada umumnya, kursus pra-perkahwinan Islam diwajibkan kepada golongan normal dan tidak diwajibkan kepada beberapa golongan yang tertentu seperti orang kelainan upaya. Objektif kursus ini jelas supaya masyarakat tahu akan kepentingan tanggungjawab, hak-hak suami isteri dan prosedur yang perlu dilakukan sebelum berkahwin. Hal ini sememangnya wajib diketahui bagi mana-mana pasangan yang ingi berkahwin. Tidak terkecuali bagi golongan kelainan upaya terutamanya orang pekak. Segala hal atau perkara yang berkaitan dengan golongan normal adalah sama bagi golongan minoriti ini. Tanpa ilmu dan pengetahuan asas, mereka sukar untuk diterangkan perkara yang perlu mereka lakukan. Komunikasi mereka hanya melalui bahasa isyarat dan tidak kesemua orang mampu menguasai bahasa isyarat malah kebanyakan dikalangan orang pekak juga tidak berpendidikan dan tidak mengetahui cara untuk berbahasa isyarat (Abdullah 2014). Namun pun begitu, kekurangan ini tidak boleh dibezakan dengan yang lain kerana mereka juga seperti orang normal yang ingin berumahtangga. Mereka juga perlu melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh jabatan agama negeri.

Hal ini dapat diketahui melalui kursus pra-perkahwinan yang merangkumi perkara-perkara penting berkaitan perkahwinan termasuk tanggungjawab dan hak-hak mereka sepanjang tempoh perkahwinan. Mereka juga perlu mengetahui hak dan proses yang perlu dilakukan sekiranya terjadi perceraian dikalangan mereka. Menurut Wan Rofariza (2018) sebagai jurubahasa ketika ditemubual, beliau amat menyokong sekiranya kursus pra-perkahwinan Islam khusus untuk golongan pekak ini dilaksanakan. Beliau yang bekerja dengan Persatuan Orang Pekak Pahang juga merangkap jurubahasa bebas bagi persatuan-persatuan orang pekak yang lain menyatakan di Pahang sahaja hanya baru sekali diadakan kursus pra-perkahwinan Islam dengan kerjasama Jabatan Agama Negeri Pahang dan Pejabat Agama Cameron Highland. Bagi pendapat Mirzarita Sulaiman (2018) pula, beliau sebagai jurubahasa di Kelantan juga bersetuju jika dilaksanakan kursus pra-perkahwinan kerana menurut beliau ada dalam kalangan orang pekak tidak mengetahui tanggungjawab sebagai suami isteri dan ia menjadi antara penyebab berlakunya perceraian. Menurut Norhaseken Rameli (2018) pula semestinya kursus sebegini diwajibkan kepada orang pekak kerana mereka perlu banyak belajar terutama berkaitan dengan masa depan mereka. Kursus pra-perkahwinan di Kelantan yang telah dilaksanakan menghimpunkan bakal-bakal pengantin malahan suami isteri yang telah lama berkahwin juga disatukan dalam satu kursus.

Proses pembelajaran tidak pernah berhenti dan orang pekak seharusnya perlu selalu menimba ilmu dan menyertai kursus, bengkel mahupun seminar yang dijalankan oleh pihak persatuan negeri sendiri. Selari dengan kewajipan menuntut ilmu yang telah difardukan kepada semua manusia, orang pekak juga tidak terlepas dari kewajipan itu cuma mereka perlu berusaha mengikut kemampuan mereka (Abdul Munir 2014). Kepentingan kursus-kursus lain bagi orang pekak juga sama dengan kursus pra-perkahwinan ini. Walaupun golongan ini adalah golongan minoriti dan tahap kefahaman berbeza-beza, tetap tidak boleh dipiinggirkan. Psikologi dan sosiologi mereka juga perlu difahami agar mudah untuk berinteraksi dan menyampaikan maklumat yang berguna kepada mereka.

Kesimpulan

Orang pekak merupakan antara golongan kelainan upaya yang mana kekurangan mereka hanyalah pada tahap pendengaran. Namun mereka masih mempunyai akal fikiran untuk menimbang balik mana yang baik dan buruk. Ketidaksampaian maklumat bukanlah menjadi

penghalang kerana mereka masih mempunyai opsyen yang lain iaitu antaranya menggunakan bahasa isyarat. Kewajipan mereka menuntut ilmu terutama dalam hal berkaitan perkahwinan amat perlu ditekankan dan diambil perhatian bagi pihak yang berwajib. Keperluan mereka mengikuti kursus pra-perkahwinan bukan sahaja untuk menggalakkan mereka untuk berkahwin malah mereka dapat input berkenaan hak dan tanggungjawab yang sukar difahami oleh mereka tanpa proses pembelajaran khusus untuk mereka. Psikologi mereka agak berbeza dengan yang lain oleh itu pihak berwajib perlu mendalaminya terlebih dahulu supaya dapat melancarkan pergaulan di antara mereka.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abdullah Bin Yusoff. 2014. *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Abd Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Haat, Nor Raudah Hj Siren & Juwairiah Hassan. 2009. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Munir Ismail. 2014. *Dakwah Islam Dan Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Al-Khin, Dr.Mustofa., Al-Bugho, Dr.Mustofa. & Asy-Syarbaji, Ali. 1412H/1992. *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Assyafi'e*. Jil 4. Damsyik: Darul Qalm.

<http://www.jais.gov.my/content/kursus-kahwin> [6 Januari 2018].

Juwairiah Hassan. 2009. Pelaksanaan Dakwah Kepada Orang Pekak Di Terengganu. Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.

Juwairiah Hassan, Prof. Dr Ab Aziz Mohd Zin & Dr Nor Raudah Hj Siren. 2013. Penerimaan Program Dakwah Dalam Kalangan Orang Pekak Di Terengganu. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*, hlm. 205- 225.

Malaysia. 2008. *Menuju Gerbang Perkahwinan (Edisi Kedua)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mirzita Sulaiman, . 2018. Kursus Pra-Perkahwinan Islam dan Orang Kelainan Upaya Pekak, Pahang. Temubual, 28 Januari .

Mohd.Manshur Bin Kiai Masyadi, 1991, *Kursus Perkahwinan Dan Keluarga Bahagia*, Kuala Lumpur: Media Ehsan Sdn. Bhd.

Norhaseken Rameli. 2018. Kursus Pra-Perkahwinan Islam dan Orang Kelainan Upaya Pekak, Pahang. Temubual, 28 Januari.

Othman Lebar. 2015. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Islam.

Utusan Malaysia. 2004. Orang Pekak-Masyarakat Sering Diabaikan. http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0917&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_03.htm [8 Januari 2018].

Utusan Malaysia. 2016. 92,678 Pasangan Daftarkan Penceraian. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/92-678-pasangan-daftarkan-penceraian-1.196883>. [8 Januari 2018].

- Siti Nubailah Mohd Yusof, Zuria Mahmud & Salleh Amat. 2014. Kefahaman Dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan Di Malaysia, *'Ulum Islamiyyah Journal*, 6(12): 73-86.
- Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Nazean Jomhari, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusof & Zahiah Haris. 2014. Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Dalam Pengajaran Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) Terhadap Komuniti Pekak, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(4): 27-33.
- Wan Rofariza Wan Deraman. 2018. Kursus Pra-Perkahwinan Islam dan Orang Kelainan Upaya Pekak, Pahang. Temubual, 28 Januari.
- Yusnita Marjuki. 2003. Kursus Pra Perkahwinan Jabatan Agama Islam Selangor : Kajian Mengenai Permasalahan. Kertas Projek, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.